

KENYATAAN TAWARAN TENDER



KEMENTERIAN PENDIDIKAN

PERKHIDMATAN EDITORIAL ePEMBELAJARAN INTERAKTIF BAGI PENATARAN MATA PELAJARAN TAHUN 1 DAN TINGKATAN 1 KURIKULUM PERSEKOLAHAN 2027

1. Tawaran adalah dipelawa kepada petender-petender tempatan yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia di bawah **Kod Bidang 010602: – Penerbitan Dan Penyiaran/Peralatan Pendidikan dan Latihan/Bahan Pendidikan; dan Kod Bidang 222001 – Perkhidmatan / Editorial, Rekabentuk Grafik, Seni Halus dan Harta Intelek/ Media Elektronik (Tidak Termasuk Kerja Percetakan)** dan ePerolehan *enabled* serta mempunyai Sijil Pendaftaran dengan Kementerian Kewangan yang masih aktif sekurang-kurangnya sehingga **enam (6) bulan** dari tarikh tutup tawaran ini dan mempunyai token ePerolehan yang belum luput tarikh.
2. Butiran tender yang ditawarkan adalah seperti berikut:
 - 2.1 Kod Tender : **QT260000000007110**
 - 2.2 Tarikh Iklan Tender : **23 Mac 2026 (Isnin)**
 - 2.3 Tarikh Tutup Tender : **13 April 2026 (Isnin)**
3. Tender dilaksanakan menerusi sistem ePerolehan sepenuhnya dan boleh diakses di laman web ePerolehan di **<https://www.eperolehan.gov.my>**. Petender hendaklah berdaftar dengan sistem ePerolehan (*eP Enabled*). Tawaran Teknikal dan Tawaran Kewangan hendaklah dikunci masuk (*key-in*) ke dalam sistem ePerolehan **sebelum atau selewat-lewatnya jam 12.00 tengah hari pada tarikh tutup tender**.

4. Petender dikehendaki mengemukakan **SEMUA** borang dan dokumen sokongan **melalui sistem ePerolehan** yang diminta oleh pihak Kementerian dalam dokumen tender. Petender yang gagal mengemukakan kesemua dokumen yang diminta, maka Kementerian ini mempunyai hak untuk tidak menilai tawaran petender.
5. Kementerian Pendidikan tidak terikat untuk menerima mana-mana tawaran terendah atau mana-mana tawaran atau memberikan apa-apa sebab di atas penolakan sesuatu tawaran tender.
6. Iklan tender ini juga boleh dirujuk di portal rasmi Kementerian Pendidikan <https://www.moe.gov.my> dan e-Perolehan. Petender dinasihatkan untuk sentiasa melayari portal rasmi yang dinyatakan bagi mendapatkan maklumat mengenai arahan-arahan terkini atau pindaan yang dikeluarkan dari masa ke masa.

Bahagian Perolehan

Kementerian Pendidikan